

MODUL MEMPERKASA QURAN DAN SUNNAH BAGI OKU PENGLIHATAN

Nur Iman Tasnim Binti Mohd Shaipudin¹
Muhammad Amir Irfan Bin Mohd Ghazali²
Muhammad Ikhmal Bin Roslan³
Mohd Nur Adzam Bin Rosdi⁴

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mel:

(tasnimshaipudin@raudah.usim.edu.my)

²Faculti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mel: (_amirfan13_@raudah.usim.edu.my)

³Faculti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mel:(ikhmallan@raudah.usim.edu.my)

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia,
(E-mel: (bnurushd@gmail.com)

ABSTRAK

Modul memperkasa Quran dan Sunnah bagi golongan kurang upaya (OKU) penglihatan merupakan salah satu usaha untuk membantu golongan ini mempelajari dan memahaminya. Walau bagaimanapun, terdapat cabaran untuk memastikan golongan kurang upaya (OKU) penglihatan memahami dan mempelajarinya. Antara langkah yang dapat dilakukan bagi memastikan golongan OKU penglihatan mempelajari ilmu Quran dan Sunnah adalah dengan mewujudkan program pembelajaran Al-Quran dalam format Braille untuk memudahkan golongan OKU penglihatan. Kajian ini dibuat bagi menghasilkan modul memperkasa Quran dan Sunnah bagi golongan OKU penglihatan. Modul ini terdiri daripada beberapa bahagian, iaitu bahagian hadis, fiqah dan tadabbur Quran yang mana akan dibimbing dan jugak boleh dijadikan sumber rujukan kepada masyarakat . Kaedah analisis dokumen diaplikasi dalaam kajian kualitatif ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa modul memperkasa Quran dan Sunnah telah diaplikasi pada kadar yang sesuai dengan golongan OKU penglihatan.

Kata Kunci: Quran dan Sunnah, OKU penglihatan, Format Braille.

Pengenalan

Kehidupan beragama adalah suatu yang amat penting dalam melahirkan modal insan yang berkualiti sebagai aset utama Pembangunan negara.Keutuhan untuk hidup mengikut lunas agama merupakan keperluan bagi setiap individu sekalipun kepada Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan. Al-Quran adalah kitab yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW kepada seluruh umat Islam di dunia dan merupakan kitab terakhir. Walaupun umat Islam terdiri daripada pelbagai kaum dan latar belakang, mereka boleh membaca dan memahami al-Quran. Namun, tidak semua umat Islam boleh membaca al-Quran dengan menggunakan deria penglihatan dengan baik. Ini membawa kepada penerbitan modul memperkasa Quran dan Sunnah bagi golongan cacat penglihatan.Dengan adanya modul ini , dapat membantu masyarakat untuk mendedahkan kepada golongan orang buta berkaitan dengan Quran , Hadis

dan Fiqah. Jadi, kajian ini berharap agar modul ini dapat membantu sedikit sebanyak kepada golongan masyarakat dan golongan OKU penglihatan.

Pernyataan Masalah

Golongan Orang Upaya Penglihatan tidak lain tidak bukan dari segi kemahuan dan kehendaknya sama seperti masyarakat biasa iaitu ingin mendalami berkaitan dengan Quran dan Sunnah mahupun Fiqah bagi memastikan bahawa apa yang dikerjakan oleh mereka itu tidak salah dan menepati syarak. Orang Kurang Upaya (OKU) adalah golongan yang sering dikaitkan dengan isu dan perbincangan berkaitan keperluan mereka dalam pendidikan, terutamanya dalam aspek berkaitan persoalan taklif dalam menerima dan mengamalkan ajaran Islam. Terdapat beberapa isu yang berkait rapat dengan pernyataan masalah ini.

Salah satu isu utama berkaitan dengan memperkasa Quran dan Sunnah bagi golongan (OKU) penglihatan adalah cabaran dalam memahami dan mengakses ajaran Islam yang terkandung dalam Quran dan Sunnah. Oleh itu, golongan OKU memerlukan pendedahan terhadap pengetahuan berkaitan perkahwinan, hak-hak yang timbul dalam perkahwinan, pengurusan konflik rumahtangga, dan hukum-hukum fiqh yang berkaitan (Azizah Mohd Rapini, 2022). Untuk melengkapkan pemahaman mengenai isu-isu ini, Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI) telah berkongsi pengalaman mereka dalam mengenalpasti cabaran pendidikan al-Quran bagi OKU. Siti Rahmah Ahmad Razuan (2019) menjelaskan peranan UMMI dalam memperluaskan akses OKU terhadap pendidikan al-Quran, sambil secara efektif menangani isu tuntutan beragama di kalangan mereka. Usaha ini bertujuan untuk menyediakan platform yang inklusif dan memberikan sokongan holistik kepada golongan OKU, memastikan mereka dapat mengakses, memahami, dan mengamalkan ajaran agama dengan selesa dan berkesan. Dengan pendekatan ini, diharapkan masyarakat dapat lebih peka terhadap keperluan khusus golongan OKU, serta bersama-sama memastikan hak-hak dan keperluan mereka dalam aspek keagamaan turut dipenuhi dengan adil dan saksama.

Sehingga ke hari ini, pelbagai usaha daripada pihak-pihak yang mengambil berat terhadap pembelajaran OKU penglihatan untuk menyediakan modul untuk dijadikan silibus pembelajaran asas al-Quran Braille. Menurut Muhd Nur adzham Rosdi (2021), Modul asas pembelajaran al-Quran Braille ini sangat diperlukan terutamanya kepada golongan OKU penglihatan yang bukan berbangsa Arab. Oleh kerana bahasa al-Quran bukanlah bahasa ibunda bagi masyarakat bukan Arab maka satu pendedahan yang sangat asas diperlukan bagi memperkenalkan huruf-huruf yang digunakan dalam pembentukan Rasm al-Quran. Selain itu elemen seperti *Dabṭ* iaitu tanda-tanda yang disertakan pada Rasm juga perlu diberikan kefahaman secara komprehensif (Nur Amalina Azhar, 2021). Namun dari sudut penggunaannya, buku ini masih belum meluas digunakan dalam kalangan pembaca al-Quran Braille. Buku ini sesuai digunakan oleh para pelajar di tahap permulaan kerana kemahiran yang diterapkan adalah merupakan kemahiran-kemahiran yang sangat asas kepada pembaca al-Quran Braille (Zakaria Yahya, 2021).

Ditambah pula dengan kurangnya perhatian, pendedahan dan tahap kesedaran yang rendah daripada pelbagai pihak terhadap isu OKU dan agama. Bahkan hampir tiada penawaran sekolah agama atau kelas agama bagi OKU. Kebanyakan program dakwah dan penganjuran kelas-kelas agama dan kuliah hanya tertumpu buat golongan normal sahaja (Ab Aziz, 2006).

Selain itu, terdapat juga beberapa cabaran dalam menyebarkan dan mengajar OKU penglihatan ini untuk mempelajari agama Islam. Cabaran utama ialah faktor sikap dan tahap kecerdasan, kurangnya kesedaran, kekurangan kemudahan info dan infrastruktur yang relevan dan sesuai dan kesukaran untuk mendapatkan bahan rujukan ataupun bahan mengajar.

Kajian Literatur

Pendahuluan

Bab ini membincangkan tentang kajian literatur yang berkaitan dengan latar belakang Quran dan Sunnah, modul Quran dan Sunnah dan buku kod Braille. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa isu berkaitan dengan memperkasa Quran dan Sunnah bagi golongan kurang upaya (OKU) penglihatan adalah kerana bahan bantu mengajar yang tidak mencukupi dan tidak lengkap. Terdapat dua (3) perkara yang dibincangkan dalam Kajian Literatur iaitu (i) Latar belakang Quran dan Sunnah, (ii) Modul Quran dan Sunnah, (iii) Buku kod Braille.

Cabaran dalam memperkasa Quran dan Sunnah

Secara amnya, kekurangan sumber mengajar atau Bahan Bantu Mengajar (BBM) dan tenaga pengajar bagi golongan OKU penglihatan. Selain itu, masa yang diperuntukkan untuk mata Pelajaran Pendidikan Islam (Pendidikan Khas) di sekolah ataupun di institusi orang kurang upaya sangatlah terhas. Hal ini akan menyebabkan pelajar tersebut kurang mahir dan tidak dapat mempraktikkan semasa waktu pembelajaran dan pengajaran (PDP). Oleh itu, peranan ibu bapa merupakan faktor yang menjadi kekangan kepada golongan ini dalam memahami ajaran Islam dengan lebih berkesan (Ahmad Kamel et al 2008, Noornajihan et al. 2012, dan Norakyairee & Ab. Halim 2011).

Selain itu juga, tahap kesediaan pelajar untuk belajar Iqra' Braille merupakan salah satu permasalahan kajian. Menurut Ahmad Yunus Mohd Noor (2016), antara cabaran guru Pendidikan Islam (Pendidikan Khas) OKU penglihatan adalah mengajar pelajar-pelajar yang tidak mempunyai asas kod al-Quran Braille. Kebanyakan ibu bapa tidak memainkan peranan yang penting dalam mendedahkan anak-anak mereka terhadap kod al-Quran Braille. Oleh itu, kajian ini adalah untuk menterbitkan modul yang boleh membantu ibu bapa dalam melatih anak-anak.

Modul

Menurut Rabiatuladawiyah Saleh1 & Mohd Nizam Sahad1 (2020) mengatakan bahawa cabaran yang dihadapi oleh guru dalam mengajar murid berkeperluan khas ini antaranya ialah kekurangan bahan mengajar. Modul memperkasa Quran dan Sunnah merupakan salah satu kerjasama yang dapat dihasilkan bagi memudahkan guru Pendidikan Islam (Pendidikan Khas) OKU penglihatan.

Metodologi Kajian

Koleksi teknik sistematik yang digunakan dalam penyelidikan dikenali sebagai metodologi penyelidikan. Ia adalah panduan penyelidikan dan bagaimana ia dijalankan. Metodologi penyelidikan adalah istilah kolektif untuk fasa formal tingkah laku penyelidikan. Dalam pelbagai bentuk penyelidikan, terdapat beberapa metodologi yang berbeza digunakan dan konsep tersebut dianggap merangkumi reka bentuk kajian, pengumpulan data, dan analisis data (Goundar, 2012). Disebabkan itu, bab ini akan membentangkan dan membincangkan metodologi yang dipilih yang boleh dihuraikan secara asas sebagai kajian kualitatif yang semata-mata mengikut cara penyelidikan perpustakaan. Ia juga menerangkan jenis kaedah pengumpulan data, instrumen yang digunakan untuk penyelidikan ini, jenis analisis data, dan alat analisis data yang akan digunakan dalam penyelidikan ini.

Dapatan Kajian

Bab ini telah menolak keseluruhan dapatan mengenai keseluruhan perbincangan yang akan dibincangkan. Jika tidak, dalam bab ini semua hasil kajian berkaitan modul Quran Sunnah kepada cacat penglihatan. Penemuan ini bertujuan untuk memenuhi keperluan objektif penyelidikan berikut dan membuat perbincangan penuh mengenainya:

1. Mengkaji cabaran dalam memperkasakan Al-Quran Sunnah kepada golongan cacat penglihatan.
2. Menjelaskan langkah-langkah memperkasakan Al-Quran Sunnah kepada golongan cacat penglihatan.
3. Untuk menghuraikan jangkaan implikasi yang dijangkakan kepada golongan cacat penglihatan, masyarakat dan negara.

Dapatan dibuat hasil tinjauan literatur yang dibuat dan dirumuskan kepada keperluan maklumat yang berkaitan

Cabaran dalam memperkasa Quran Sunnah bagi golongan OKU penglihatan

Kemahiran Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM)

Menurut Hajaratul Bahti, Mohd. Huzairi, Bani Hidayat & Nor Hayati (2010), guru Pendidikan Islam (Pendidikan Khas) kurang terdedah kepada kemahiran untuk membaca al-Quran menggunakan al-Quran Braille pada peringkat awal menjadi guru. Ini bermakna mereka tidak dapat menguasai kod Braille al-Quran dengan baik untuk digunakan pada sesi pengajara. Al-Quran Braille merupakan salah satu alternatif yang penting kepada komuniti orang kurang upaya (OKU) penglihatan untuk mempelajari dan membaca al-Quran. Walau bagaimanapun, atas keprihatinan mereka sendiri, apabila mereka ditempatkan di sekolah yang memiliki kelas khas bagi komuniti kurang upaya (OKU) penglihatan, mereka perlu belajar dan memahami kod al-Quran Braille. Mohd Nur Adzam Rasdi et al. (2013) menambah, walaupun terdapat guru yang mendapat pendedahan awal semasa mengikuti Latihan perguruan dalam bidang Pendidikan Islam (Pendidikan Khas), namun tidak semua guru ditemu bual menggunakan al-

Quran Braille dalam sesi pengajaran mereka. Hal ini kerana, terdapat kelompongan dalam system pelatihan guru khususnya dalam menyediakan dan memilih guru Pendidikan Islam (Pendidikan Khas) yang berkemahiran menggunakan al-Quran Braille sebagai BBM.

Tambahan pula, keberkesanan latihan perguruan dalam bidang Pendidikan Islam (Pendidikan Khas) amat membantu. Ini dibuktikan dengan penulisan Noornajihan Jaafar & Nur Atiqah Abdul Aziz (2018) yang menyatakan bahawa penggunaan BBM dalam PdP al-Quran yang betul, banyak membantu murid-murid Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) Alma menguasai bacaan al-Quran sehingga mencapai tahap yang memberangsangkan. Dapatan kajian mereka mendapati bahawa guru Pendidikan Islam (Pendidikan Khas) di SKPK Alma menggunakan kaedah dan pendekatan yang bersesuaian serta Teknik yang betul. Bahkan menurut murid dari komuniti kurang upaya (OKU) penglihatan, galakan dan dorongan yang sentiasa diberikan oleh guru untuk mereka terus mempelajari al-Quran walaupun dalam ketidaksempurnaan.

Masa pengajaran terhad

Sering dibangkitkan isu berkaitan dengan faktor tempoh masa pembelajaran atau Pdp yang mana menyumbang kepada cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam (Pendidikan Khas). Menurut Hajaratul Bahti, Mohd. Huzairi, Bani Hidayat, & Nor Hayati (2010) menyatakan bahawa guru tidak dapat memberikan tumpuan sepenuhnya untuk mengajar Tilawah al-Quran secara khusus. Sebaliknya guru lebih tertumpu untuk menghabiskan sukatan Pelajaran bagi persiapan menghadapi peperiksaan. Masa yang diperuntukkan untuk pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam bagi pelajar komuniti kurang upaya (OKU) penglihatan adalah sebanyak tiga waktu tersebut sahaja. Justeru guru tidak dapat memberi tumpuan dan penekanan sepenuhnya kepada semua pelajar. Hal ini menyebabkan kemampuan pelajar-pelajar untuk membaca al-Quran dengan baik tidak dapat ditingkatkan kerana hanya tertumpu kepada pendedahan soalan peperiksaan dan waktu yang diterhadkan (Hajaratul Bahti, Mohd. Huzairi, Bani Hidayat & Nor Hayati, 2010).

Selain itu, cabaran masa yang terhad ini juga menyebabkan sebahagian daripada guru mengambil inisiatif sendiri atas keprihatinan mereka untuk mengadakan kelas tambahan pada waktu lain dan mendapat persetujuan oleh ibu bapa. Hal ini kerana, persetujuan ibu bapa juga amat penting bagi meningkatkan dan memantapkan pembelajaran anak-anak mereka terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam (Pendidikan Khas). Mohd Nur Adzam Rasdi et al. (2013) mengatakan bahawa kelas tambahan pada waktu petang boleh memantapkan kefahaman murid terhadap Kemahiran penggunaan al-Quran Braille. Disamping itu juga, menurut Ahmad Yunus Mohd Noor (2016), masa pembelajaran bagi pelajar al-Quran Braille yang dianjurkan oleh PERTIS hanya dapat diadakan pada hujung minggu sahaja. Lantaran itu, kelas hanya dapat diadakan dua kali sebulan. Namun sekiranya guru mempunyai komitmen lain, kelas hanya dilakukan sekali sahaja dalam sebulan.

Tahap kesediaan pelajar OKU penglihatan untuk belajar al-Quran Braille

Selain daripada cabaran kurangnya bahan bantu mengajar (BBM) dan masa yang terhad, cabaran berkaitan dengan tahap kesediaan pelajar OKU penglihatan untuk belajar al-Quran Braille juga dapat dikenal pasti. Menurut Ahmad Yunus Mohd Noor (2016), antara cabaran guru Pendidikan Islam (Pendidikan Khas) masalah penglihatan ialah mengajar pelajar-pelajar yang tidak mempunyai asas kod al-Quran Braille. Kebanyakan ibu bapa tidak mengetahui

bahawa pendedahan kod asas al-Quran Braille kepada anak-anak mereka amatlah penting. Hal ini kerana, ibu bapa banyak meluangkan masa dengan anak-anak mereka dirumah. Oleh itu, ibu bapa dan guru perlu memberi sepenuh perhatian kepada anak-anak OKU penglihatan ini dari awal berkenaan dengan asas kod Braille.

Kurang guru yang mahir dalam penggunaan kod Braille

Tidak lain tidak bukan, cabaran yang dihadapi iaitu kurangnya guru yang mahir dalam penggunaan kod Braille juga didapati dalam kajian ini. Menurut Mohd Mokhtar, Tahar & Aliza Alias (2004), menyatakan bahawa pengetahuan dan kebolehan guru dalam menyampaikan isi kandungan kepada pelajar-pelajar khas merupakan aspek yang penting dalam Pendidikan Islam (Pendidikan Khas) OKU penglihatan. Akan tetapi, dapat kita lihat, guru pada masa kini kebanyakannya kurang kemahiran dalam penggunaan kod Braille. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab hendaklah menyediakan program latihan industri sebelum guru diagihkan kepada sekolah-sekolah tertentu. Hal ini kerana, kemahiran yang ada pada guru tersebut menjadikan pelajar mahir dalam penggunaan kod Braille.

Di samping itu, guru-guru yang mengajar kanak-kanak berkeperluan khas perlu mempunyai kemahiran mengajar yang sesuai dengan keperluan pembelajaran pelajar mengikut mata pelajaran yang khas seperti Pendidikan Islam (Pendidikan Khas) OKU penglihatan (Wood J.W, 2022). Kanak-kanak yang mempunyai masalah penglihatan mata (OKU) penglihatan, mereka menggunakan mesin Braille untuk menulis dan membaca bahan dalam Braille, termasuklah al-Quran dalam tulisan Braille. Oleh itu, guru hendaklah mahir dalam penggunaan kod Braille bagi memastikan Pdp berjalan dengan lancar dan guru dapat membantu pelajar dalam menulis dan membaca kod Braille dengan sebaiknya.

Langkah-langkah memperkasakan Al-Quran Sunnah kepada golongan cacat penglihatan.

Dalam konteks memperkasakan Al-Quran dan Sunnah kepada golongan cacat penglihatan, langkah-langkah yang boleh diambil termasuk mewujudkan program pembelajaran Al-Quran dalam format Braille untuk memudahkan golongan cacat penglihatan dalam mempelajari teks suci Al-Quran. Selain itu, mengadakan kursus pengajaran Al-Quran secara lisan dan pendengaran juga penting bagi golongan cacat penglihatan untuk memahami dan menghafal ayat-ayat Al-Quran. Menyediakan perkhidmatan pembacaan Al-Quran dalam format audio juga merupakan langkah yang membantu golongan cacat penglihatan dalam mengakses teks suci Al-Quran. Selain itu, pembangunan aplikasi digital yang membolehkan golongan cacat penglihatan mengakses teks Al-Quran dan hadis melalui peranti elektronik juga merupakan langkah yang penting dalam memperkasakan akses mereka kepada sumber-sumber agama (Tengku Fatimah Mualiana, 2016).

Justeru itu, kita perlu meningkatkan kesedaran tentang pengajaran Al-Quran Sunnah kepada golongan cacat penglihatan perlu ditingkatkan melalui kempen-kempen kesedaran dan program-program pendidikan. Ini termasuk memastikan masyarakat memahami keperluan golongan ini dalam mempelajari agama. Akhir sekali, Menyediakan pelbagai program berkaitan pengajaran Al-Quran Sunnah yang berterusan. Program pengajaran Al-Quran Sunnah yang berterusan seperti kursus-kursus dan kelas-kelas perlu disediakan untuk memastikan

golongan cacat penglihatan terus memperoleh pengajaran yang berkualiti. Ini memastikan akses mereka terhadap pembelajaran agama yang berterusan (Noor at al., 2016).

Jangkaan Implikasi dalam memperkasa Quran dan Sunnah bagi golongan OKU penglihatan

Kesan kepada masyarakat

Menurut Tengku Fatimah Mualiana (2016), Implikasi memperkasakan Al-Quran dan Sunnah kepada masyarakat adalah meningkatkan aksesibiliti terhadap ajaran agama Islam, terutamanya bagi golongan cacat penglihatan. Dengan memperkenalkan format Braille, kursus lisan, dan perkhidmatan audio, masyarakat yang cacat penglihatan dapat lebih mudah mempelajari dan memahami ajaran Al-Quran dan Sunnah. Ini tidak hanya memberi mereka peluang untuk mendalami ilmu agama, tetapi juga memperkukuhkan rasa kebersamaan dan keadilan dalam masyarakat Islam. Selain itu, pembangunan aplikasi digital yang membolehkan akses mudah kepada teks Al-Quran dan hadis melalui peranti elektronik juga memperluaskan capaian masyarakat terhadap ilmu agama, membolehkan mereka untuk terus belajar dan meraih manfaat daripada ajaran Islam.

Kesan kepada Negara

Modul yang memperkasa Quran dan Sunnah bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan memberikan impak yang signifikan kepada masyarakat, terutamanya dalam mempromosikan inklusiviti dan aksesibiliti terhadap ilmu agama. Dengan menyediakan modul yang disesuaikan untuk OKU penglihatan, negara dapat memastikan bahawa golongan ini dapat meraih manfaat daripada ajaran Quran dan Sunnah tanpa sebarang halangan. Modul ini tidak hanya membantu meningkatkan pemahaman agama, tetapi juga memberi peluang kepada OKU penglihatan untuk berpartisipasi secara aktif dalam aktiviti keagamaan dan sosial masyarakat. Tambahan lagi, dengan bantuan daripada guru-guru yang bertauliah dapat menambahkan lagi kefahaman dan peluang kepada golongan ini. Oleh itu, guru Pendidikan Islam sebagai murabbi memainkan peranan dan tanggungjawab yang besar dalam mendidik pelajar khususnya kanak-kanak berkeperluan khas dan turut memainkan peranan sebagai agen perubahan negara yang membentuk masyarakat (Nor Izzati, 2021).

Selain itu, pemberian modul ini juga memainkan peranan penting dalam mengukuhkan perpaduan sosial dan harmoni di negara. Dengan memberi perhatian khusus kepada golongan OKU penglihatan, kita menghormati hak asasi manusia dan memupuk persefahaman antara pelbagai lapisan masyarakat. Ini membantu mencipta sebuah masyarakat yang lebih inklusif dan menghargai kepelbagaian. Modul yang memperkasa Quran dan Sunnah khusus untuk golongan OKU penglihatan mencerminkan komitmen negara untuk memastikan bahawa setiap individu, tanpa mengira keupayaan fizikal, memiliki akses yang setara kepada ilmu agama dan kehidupan sosial.

Kesan kepada golongan OKU Penglihatan

Pembangunan modul yang memperkasa Quran dan Sunnah bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan membawa kesan positif yang signifikan kepada golongan tersebut. Modul ini tidak hanya memberi peluang kepada OKU penglihatan untuk mendalami ajaran agama Islam, tetapi juga membantu meningkatkan pemahaman mereka terhadap nilai-nilai

moral dan etika yang diperkukuhkan oleh Quran dan Sunnah. Dengan memperkasa ilmu agama, golongan OKU penglihatan dapat memperoleh kepercayaan diri dan ketenangan dalam melibatkan diri dalam kegiatan keagamaan, memberikan mereka rasa keterlibatan yang positif dalam masyarakat.

Selain itu, modul ini juga memainkan peranan penting dalam membuka peluang ekonomi dan sosial bagi golongan OKU penglihatan. Dengan pemahaman yang lebih mendalam terhadap ajaran agama, mereka dapat terlibat secara aktif dalam aktiviti-aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan, membantu membina jaringan sosial yang kuat dan meningkatkan peluang pekerjaan. Menurut Mohammad Adib (2017), ini memerlukan penambahbaikan samada dari aspek ilmu juga kemahiran khusus untuk disesuaikan dengan keperluan komuniti OKU agar mencapai matlamat dakwah. Dengan demikian, modul ini tidak hanya meningkatkan kualiti hidup golongan OKU penglihatan dari segi rohaniah, tetapi juga secara langsung menyokong pembangunan ekonomi dan sosial mereka dalam masyarakat yang lebih inklusif.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, kajian ini telah membuktikan bahawa model memperkasa Quran dan Sunnah bagi golongan kurang upaya (OKU) penglihatan memainkan peranan yang sangat penting dalam konteks pendidikan dalam kalangan pelajar kurang upaya (OKU) penglihatan. Keberkesanan modul ini dapat memberi sumbangan kepada ibu bapa, guru dan Masyarakat sekeliling dalam membantu golongan kurang upaya (OKU) penglihatan berkaitan Quran dan Sunnah dengan lebih mendalam. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa cabaran dalam memperkasa Quran dan Sunnah bagi golongan kurang upaya (OKU) penglihatan

Namun begitu, terdapat beberapa langkah dan jangkaan implikasi bagi menyebarkan ilmu pengetahuan berkaitan dengan Quran dan Sunnah. Tambahan pula dengan adanya modul ini dapat membantu golongan masyarakat, ibu bapa mahupun guru dalam mendedahkan ilmu pengetahuan berkaitan Quran dan Sunnah kepada komuniti kurang upaya (OKU) penglihatan ini. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab hendaklah memainkan peranan yang sewajarnya dalam membantu golongan kurang upaya ini mempelajari Quran dan Sunnah.

Kesimpulannya, modul memperkasa Quran dan Sunnah dapat dianggap sebagai elemen integral dalam meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran dalam kalangan kurang upaya (OKU) penglihatan. Justeru itu, sebagai langkah pada masa hadapan, inisiatif berterusan hendaklah diteruskan untuk membantu golongan kurang upaya (OKU). Hal ini kerana, bukan hanya memberi manfaat dalam konteks Pendidikan, malah membentuk golongan kurang upaya (OKU) yang mampu mendalami ilmu agama dengan sewajarnya.

Rujukan

- Abdullah, N. M., Saleh, M. H., & Tawil, S. F. M. (2023). The Model Development of Online Talaqqi Quran Teaching: A Need Analysis. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 7(2), 108–121. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol7no2.197>
- Abd Kadir, K., Hashim, M., Raus, H. N. B. M., Muhamad, N. A. F. B., Ja'afar, N. B., Yusof, A. B. M., & Omar, N. B. B. (2019). Kesesuaian Kandungan Buku Iqra'Braille 2 Kepada Golongan Oku Penglihatan Sebagai Asas Mempelajari Al-quran. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/11245>
- Ahmad Razuan, S. R., Mohd Raus, N., Hashim, M., Rasdi, M. N. A., Mohamed Yusoff, A., Ja'afar, N., & Muhamad, N. A. F. (2019). Pendidikan Al-Quran Bagi OKU: Pengalaman Pusat Penyelidikan Ibnu Umami Maktum (UMMI): Quranic Education for PwDs: Experience of Ibnu Umami Maktum Research Centre (UMMI). *'Abqari Journal*, 20(2), 78–98. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol20no2.216>
- Mahd Nor, N. I. (2021). Pendidikan Islam bagi Kanak-Kanak Berkeperluan Khas: Guru sebagai Murabbi: Islamic Education for Children with Special Needs: Teacher as Murabbi. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(1), 64-76. Retrieved from <https://doi.org/10.33102/jqss.vol5no1.92>
- Mohd Rapini, A. ., Dimon, Z. ., Mohd Khalil, N. D. ., & Hashim, N. (2022). Keperluan Pembinaan Modul Kursus Pembangunan Keluarga Mesra OKU: Satu Sorotan Literatur: The Needs of Designing a People with Disabilities (PWD)-Friendly Module for the Family Development Course: A Literature Review . *Journal of Muwafaqat*, 5(2), 118–134. <https://doi.org/10.53840/muwafaqat.v5i2.124>
- MOHAMAD SALIH, M. A., SAPARUDDIN, I. F., & AINI, Z. (2018). REALITI CABARAN PENDAKWAH TERHADAP ORANG KELAINAN UPAYA PENGLIHATAN. *Human Sustainability Procedia*. Retrieved from <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/hsp/article/view/1203>
- Nik Ahmad Farid, N. S., Noornajihan, J., & Nurul Asiah Fasehah, M. (2022). Isu dan Cabaran Dakwah kepada OKU: Analisis Tinjauan Literatur Sistematis. *PIMM Expert Sdn. Bhd.*, 8(2), 15-27. Retrieved from <https://doi.org/http://www.journaltamu.com/wp-content/uploads/2022/12/TAMU-Vol-82-December-2022-15-27.pdf>
- Norhasnira Ibrahim. (2017). KEMAHIRAN PEDAGOGI BAGI GURU PENDIDIKAN ISLAM (PENDIDIKAN KHAS) DALAM PENGAJARAN AL-QURAN BRAILLE. *Proceedings of International Conference on Special Education*, 2. Retrieved from <https://publication.seameosen.edu.my/index.php/icse/article/view/170>
- Noor, M., & Yunus, A. (2016). Cabaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran al-Qur'an Braille di Kompleks Malaysian Association for the Blind (MAB). *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 38(1) <https://core.ac.uk/download/pdf/84306736.pdf>
- Omar, N. (2021). Cabaran Dalam Pengendalian Pembelajaran Dan Pengajaran Fardu Ain Orang Kurang Upaya (OKU) Pendengaran Di Malaysia. *Sains Insani*, 6(3). <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no3.365>

- Rasdi, M. N. A., Jaafar, N., Raus, N. M., Hashim, M., Azhar, N. A., Zainudin, M. S. A., ... & Razali, A. (2021). Pembelajaran Tilawah Al-Quran Braille: Pengalaman Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (Ummi) USIM. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/14426>
- Raus, N. H. M., & Nabil, N. A. (2017). Model dan kurikulum pendidikan Al-Quran holistik bagi OKU. *Journal Of Quran Sunnah Education & Special Needs*. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/5314>
- Razali, A., Jaafar, N., & Rasdi, M. N. A. (2022). Braille Al-quran: Sejarah Dan Kaedah. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/18619>
- Suryani, D., & Mohd Raus, N. (2017). Khidmat Quran dan Sunnah bagi OKU: Pengalaman USIM. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/5316>
- Tengku Fatimah Muliana, T. M. (2016). Pelaksanaan perkhidmatan anak terhadap ibu bapa kurang upaya penglihatan: Kajian di marang, terengganu. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 13, 131-144. Retrieved from <https://www.proquest.com/scholarly-journals/pelaksanaan-perkhidmatan-anak-terhadap-ibu-bapa/docview/2437130506/se-2>
- Yahaya, A. M. ., Zakaria, H. B. ., Md Shariff, N. N. ., Yakob, M. A. ., & Moidin, S. . (2022). The Development Of STEAM As Elements In Islamic Education for Disabled Students In Malaysia: Perkembangan STEAM Dalam Elemen Pendidikan Islam Terhadap Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Di Malaysia. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 28(2), 24–31. Retrieved from <https://al-qanatir.com/aq/article/view/536>